

ANUGERAH PENDIDIK CEMERLANG UUM DISTINGUISHED TEACHER AWARD (DTA)

1.0 PENGENALAN

Anugerah Pendidik Cemerlang (DTA) ini diwujudkan oleh UUM bagi mengiktiraf kemahiran pengajaran pensyarahnya dan kerana menyedari pentingnya aspek pengajaran dan pembelajaran pelajar di universiti. Pelaksanaan DTA juga adalah tanda UUM turut mementingkan sumbangan para pensyarahnya serta sentiasa mendorong mereka untuk mempertingkatkan lagi kemahiran dan kualiti pengajaran bagi menghasilkan graduan yang berketerampilan serta mempunyai daya pasar yang tinggi. Selain ini, kualiti pengajaran yang tinggi akan mengharumkan lagi nama UUM.

2.0 ASAS ANUGERAH

- 2.1 Pengajaran dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.
- 2.2 DTA bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada pensyarah UUM yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan/atau bimbingan pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama **sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun**, untuk menghasilkan siswazah yang berkualiti tinggi.
- 2.3 Pemilihan calon bagi DTA adalah berdasarkan kepada perkara berikut:
 - Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran
 - Persediaan pengajaran
 - Kaedah pengajaran
 - Kaedah penilaian pembelajaran
 - Bimbingan dan penyeliaan
- 2.4 Anugerah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:
 - i) Pensyarah yang mengajar **Program Pascasiswazah**
 - ii) Pensyarah yang mengajar **Program Sarjana Muda**
- 2.5 Anugerah DTA adalah merangkumi empat (4) kelompok anugerah, iaitu:
 - i) Sains Tulen
 - ii) Sains Gunaan
 - iii) Sastera dan Sains Sosial
 - iv) Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

2.6 Setiap kelompok berkenaan merangkumi bidang-bidang seperti dalam Jadual 1 berikut:-

Jadual 1

Bidang-bidang dalam setiap kelompok anugerah

Kelompok Anugerah	Bidang
1. Sains Tulen	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Matematik
2. Sains Gunaan	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Komputer • ICT • Multimedia
3. Sastera dan Sains Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Politik / Pentadbiran Awam • Bahasa • Sosiologi / Antropologi • Psikologi • Ekonomi • Falsafah • Pengajian Islam • Sejarah • Geografi / Pengajian Pembangunan • Hubungan Antarabangsa • Perniagaan/Perniagaan Antarabangsa • Seni Pesembahan
4. Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan	<ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi • Pengurusan • Pendidikan • Perundangan • Perakaunan • Pelancongan

- 2.7 Senarai kelompok bidang DTA bagi setiap Pusat Pengajian adalah seperti Jadual 2 berikut:-

Jadual 2

Kelompok bidang dalam setiap Pusat Pengajian

Kolej	Bil.	Pusat Pengajian	Bidang	Kelompok Bidang
UUM CAS	1	SEML	Pendidikan	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	2	SQS	Matematik/Statistik	Sains Tulen
	3	SLCP	Bahasa dan Linguistik	Sastera dan Sains Sosial
	4	SAPSP	Psikologi	Sastera dan Sains Sosial
	5		Kerja Sosial	Sastera dan Sains Sosial
	6	SCIMPA	Pengurusan Industri Kreatif	Sastera dan Sains Sosial
	7		Seni Persembahan	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	8	SMMTC	Komunikasi	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	9		Multimedia	Sains Gunaan
	10	SOC	Sains Komputer/Teknologi Maklumat	Sains Gunaan
UUM COB	11	TISSA	Perakaunan	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	12	SBM	Pengurusan/Perniagaan	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	13	SEFB	Ekonomi/Kewangan/Perbankan	Sastera dan Sains Sosial
	14	STML	Pengurusan Teknologi	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	15	IBS	Perniagaan	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	16		Finance/Banking	Sastera dan Sains Sosial
	17	OYAGSB	Pengurusan/Perniagaan	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
UUM COLGIS	18	SOG	Sosiologi/Pentadbiran Awam	Sastera dan Sains Sosial
	19	SOL	Perundangan	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	20	SOIS	Sains Politik	Sastera dan Sains Sosial
	21		Perniagaan Antarabangsa	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan
	22	STHEM	Pelancongan/ Hospitaliti/ Pengurusan Acara	Sastera Gunaan & Sains Sosial Gunaan

- 2.8 Pencalonan adalah dibuka bagi setiap kelompok.
- 2.9 Insentif bagi penerima anugerah DTA bagi setiap kelompok adalah seperti berikut:
- i) Hadiah wang tunai sebanyak RM5,000.00
 - ii) Trofi
 - iii) Sijil penghargaan
 - iv) Anugerah diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan.
- 2.10 Sekiranya tiada pemenang DTA dalam sesuatu kelompok, maka Hadiah Khas Juri akan diberikan kepada calon-calon yang telah berjaya mencapai skor terbaik dari segi:
- i) Portfolio Pengajaran
 - ii) Simulasi Pengajaran

3.0 SYARAT PERMOHONAN/PENCALONAN

- Anugerah adalah untuk tenaga akademik UUM dalam kalangan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah dan Guru Bahasa yang **berstatus tetap dan telah disahkan jawatan**, yang telah berkhidmat sebagai pensyarah IPT selama **10 tahun** dan berkhidmat di UUM **sekurang-kurangnya 4 tahun**.
- Pensyarah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 6 bulan pada tahun yang dinilai.
- Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatannya di UUM.
- Calon yang telah mendapat Hadiah Khas Juri (HKJ) untuk Portfolio dan/atau Simulasi Terbaik tidak boleh memohon selama dua (2) tahun selepas penerimaan HKJ itu.
- Calon yang telah memohon pada sesuatu tahun, tidak boleh memohon bagi satu tahun yang berikutnya.
- Calon mestilah memperolehi peratus penilaian kursus yang melebihi purata peratus universiti bagi tiga (3) semester yang terakhir semasa pencalonan

4.0 PROSEDUR PENCALONAN

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	Prosedur Pencalonan	<p>A) Pencalonan boleh dibuat oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar Sarjana Muda yang berada di Semester 5 dan ke atas. ii. Pelajar pascasiswazah yang telah mengikuti sekurang-kurangnya dua (2) semester pengajian. iii. Dekan, dimana beliau mesti menghantar sekurang-kurangnya satu pencalonan. iv. Staf akademik yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun di UUM. v. Staf bukan akademik yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun di UUM. vi. Staf akademik itu sendiri (<i>self nomination</i>). vii. Pengarah UTLC juga boleh secara khusus memilih dan mencalonkan nama-nama pensyarah yang sesuai. <p>B) Pencalonan dibuat dengan menggunakan Borang Pencalonan DTA-01 yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang UTLC.</p> <p>C) Borang yang telah diisi mestilah sampai di UTLC sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh seperti yang ditetapkan oleh pihak urus setia anugerah DTA.</p> <p>D) Calon yang bersetuju mestilah melalui dan disokong oleh Dekan Pusat Pengajian. Dekan juga akan memberi penilaian terhadap calon dan penilaian ini akan memberikan sumbangan sebanyak 10% kepada jumlah markah penilaian.</p>

5.0 PROSES PENILAIAN

BIL.	KETERANGAN
1.	<p><u>Penilaian Peringkat Pertama</u></p> <p>Penilaian Portfolio (40%)</p> <p>Portfolio Pengajaran perlu mengandungi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Falsafah pengajaran dan pembelajaran yang menggambarkan keserjanaan pemohon. ii. Pernyataan strategi perancangan dan pelaksanaan keseluruhan tentang kaedah pengajaran / penyeliaan dan penilaian. iii. Kreativiti dan inovasi serta impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran (kaedah pengajaran / penyeliaan dan penilaian). iv. Penilaian dan testimonial pengajaran / penyeliaan v. Penambahbaikan pengajaran / penyeliaan dan penilaian serta pembangunan profesional vi. Keserjanaan dalam pengajaran / penyeliaan dan penilaian <p>CALON YANG MENDAPAT SKOR MELEBIHI NILAI TITIK AMBANG (80%) AKAN MAJU KE PERINGKAT 2.</p>
2.	<p><u>Penilaian Peringat Kedua</u></p> <p>Penilaian Simulasi Pengajaran (40%)</p> <p>Calon diminta untuk menyediakan dan membentangkan kaedah pengajaran untuk selama 20 minit.</p> <p>Panel Penilai Simulasi Pengajaran adalah terdiri daripada Panel Penilai Portfolio.</p> <p>Perkara-perkara yang dinilai dalam simulasi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Interaksi dan Komunikasi ii) Penyampaian iii) Penerapan <i>Higher Order Thinking Skills (HOTS)</i> iv) Kredibiliti v) Penglibatan Pelajar <p>CALON YANG MENDAPAT SKOR MELEBIHI NILAI TITIK AMBANG (80%) DAN TERTINGGI AKAN MAJU KE PERINGKAT 3</p>

BIL.	KETERANGAN
3	<p><u>Penilaian Peringkat Ketiga</u></p> <p>Penilaian Dekan (10%)</p> <p>Penilaian Dekan merangkumi perkara berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Ciri Peribadi ii) Kompetensi Profesional iii) Kualiti Pengajaran
4	<p><u>Penilaian Peringkat Keempat</u></p> <p>Menemuduga Calon (10%)</p> <p>Temuduga akan dijalankan oleh Panel Pemilih DTA yang dilantik oleh universiti.</p> <p>Soalan temuduga akan merangkumi perkara berkaitan prinsip dan amalan Pengajaran dan Pembelajaran, falsafah pengajaran dan lain-lain yang berkaitan.</p> <p>Mereka yang mendapat skor keseluruhan melebihi nilai titik ambang (80%) dan yang tertinggi dalam setiap kelompok akan disyorkan sebagai calon penerima anugerah.</p>

6.0 PANEL PENILAI

BIL.	PERKARA	CATATAN
	<p>Keahlian Panel Penilai Portfolio Pengajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Penilaian portfolio dibuat secara merentasi kolej ii) Keahlian panel penilai adalah berdasarkan cadangan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) 	<p>Ahli panel adalah terdiri daripada mereka yang telah memperoleh markah skor penilaian kursus sekurang-kurangnya 95% pada tahun sebelumnya.</p>

	<p>iii) Terdiri daripada staf akademik UUM dan/atau pihak luar UUM.</p> <p>iv) Keahlian adalah berdasarkan cadangan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dari kalangan staf akademik UUM yang memperolehi skor sekurang-kurangnya 95% pada tahun sebelumnya.</p> <p>v) Penilai luar boleh terdiri daripada mereka yang berjaya menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) kategori Anugerah Pengajaran atau anugerah peringkat universiti masing-masing</p>	
	<p>Keahlian Panel Penilai Simulasi Pengajaran</p> <p>i) Kriteria pemilihan panel adalah sebagaimana Panel Penilai Portfolio.</p> <p>ii) TNC A&A boleh melantik ahli yang sama dalam Panel Penilai Portfolio untuk menjadi Panel Penilai Simulasi atau melantik ahli panel yang lain.</p>	<p>Panel Penilai Simulasi Pengajaran boleh terdiri daripada Panel Penilai Portfolio</p>
	<p>Keahlian Panel Pemilih DTA</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keahlian adalah: <ol style="list-style-type: none"> 1. Naib Canselor 2. TNC (A & A) 3. Dua (2) orang Profesor 4. Seorang (1) Profesor Madya 5. Seorang Pensyarah Kanan / Pensyarah 6. Seorang (1) wakil MPP* 	<p>Keahlian adalah terdiri daripada mereka yang bukan ahli dalam Panel Penilai Portfolio dan Panel Penilai Pengajaran</p> <p>*Wakil MPP tidak akan menilai dalam sesi ini, tetapi boleh bertanya soalan jika diberikan peluang oleh Pengerusi Panel Pemilih.</p>

7.0 SYARAT DAN PERATURAN UMUM BAGI PENCALONAN

1. Pencalonan DTA terbuka kepada staf akademik UUM yang **berstatus tetap dan telah disahkan jawatan**, yang telah berkhidmat sebagai pensyarah IPT selama **10 tahun** dan berkhidmat di UUM sekurang-kurangnya **4 tahun**.
2. Pensyarah berkhidmat sekurang-kurangnya selama **6 bulan** pada tahun yang dinilai.
3. Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatannya di UUM.
4. Calon yang telah mendapat Hadiah Khas Juri (HKJ) untuk Portfolio dan/atau Simulasi Terbaik tidak boleh memohon selama dua (2) tahun selepas penerimaan HKJ itu.
5. Calon yang telah memohon pada sesuatu tahun, tidak boleh memohon bagi satu tahun yang berikutnya.
6. Calon mestilah memperolehi peratus penilaian kursus yang melebihi purata peratus universiti bagi tiga (3) semester yang terakhir semasa pencalonan
7. Permohonan / pencalonan hendaklah menggunakan borang rasmi yang dimuat turun dari laman web UTLC.
8. Setiap permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang berasingan.
9. Semua borang permohonan/pencalonan mestilah diisi dengan lengkap. Permohonan/pencalonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
10. Tarikh tutup permohonan adalah pada 30 Mac 2023 (Khamis).
11. Permohonan perlu sampai kepada:

**Pengarah
Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
(U. P: Urus Setia DTA)
sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 30 Mac 2023 (Khamis).**

BUKTI PENGHANTARAN TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI BUKTI PENERIMAAN.

12. Anugerah bagi sesuatu kategori tidak akan diberi sekiranya tiada calon yang layak pada tahun yang dinilai.
13. Keputusan Panel Pemilih DTA adalah muktamad.
14. Staf akademik yang memegang jawatan pentadbiran di UTLC adalah tidak boleh dicalonkan.

